

**SUMBANGAN MANFAAT WAKAF TERHADAP PEMBANGUNAN UMMAH DI
MALAYSIA: SATU ANALISIS DALAM PENGURUSAN JOHOR
CORPORATION (JCORP)-WAQAF AN-NUR CORPORATION BERHAD
(WANCORP)**

Hisham Sabri¹, Khairil Faizal Khairi², Mohamad Yazis Ali Basah³, Nurhidayah Laili⁴,
Muhamad Ridhwan Abd. Aziz⁵, Nurhidayah Damiron⁶

hishams@usim.edu.my¹, khairil@usim.edu.my²

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)^{1,2,3,4,5,6}

ABSTRAK

Johor Corporation (JCorp) adalah merupakan sebuah entiti korporat yang memberikan sumbangan besar terhadap pembangunan wakaf korporat. Ia juga mampu memberikan impak positif kepada domain tanggungjawab sosial korporat (CSR) khususnya aspek pembangunan harta wakaf. Walau bagaimanapun, wakaf korporat yang aktif dipraktikkan oleh JCorp mengundang beberapa persoalan oleh sesetengah masyarakat berkaitan halatuju manfaat dan hasil saham syarikat yang mana sebahagian hasilnya diperuntukkan untuk pengurusan perbadanan JCorp yang berperanan sebagai pewakaf terhadap saham-saham tersebut. Sehubungan itu, kertas kerja ini akan mengenal pasti bagaimana sumbangan manfaat atau hasil saham wakaf yang diurustadbir oleh WanCorp sebagai *mutawalli/nazir* dalam menguruskan saham-saham wakaf JCorp. Ia juga akan membincangkan tentang isu berkaitan pematuhan syariah dalam mendapatkan hak daripada manfaat wakaf. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan wakaf korporat yang dipraktikkan oleh JCorp adalah sangat berguna dalam membangunkan kesejahteraan ekonomi ummah.

Kata Kunci: JCorp, wakaf korporat, WanCorp, manfaat wakaf.

1.0 PENGENALAN DAN TINJAUAN LITERATUR

Amalan wakaf merupakan salah satu amal jariah yang sangat dituntut dalam Islam. Ia adalah suatu amal soleh dimana pahala yang dikurniakan berterusan bagi pelakunya (pewakaf) selagi harta atau ain yang diwakafkan itu kekal atau dimanfaatkan selama-lamanya. Atas dasar itulah, Allah SWT telah mensyariatkan, dan menjadikan wakaf sebagai salah satu agenda *tabarru'* bagi sesiapa yang mahu mendampingkan diri kepadaNya.

Harta wakaf merupakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada pemegangnya bagi memastikan tujuan dan hasrat asal pewakaf terlaksana. Pemegang amanah seharusnya dapat mengurus, mentadbir dan membangunkan semula harta-harta wakaf bagi tujuan meningkatkan nilai aset berkenaan. Laporan kewangan juga harus dilakukan setiap tahun bagi aliran kewangan harta wakaf agar pengurusannya kelihatan lebih telus dan mampu berlaku adil dalam kerangka sosio ekonomi umat Islam.

Selain itu, wakaf juga dilihat sebagai salah satu punca kewangan Islam. Pendekatan Majlis Agama Islam Negeri untuk menambahkan harta-harta wakaf melalui instrument-instrumen wakaf terkini seperti wakaf saham, wakaf tunai, wakaf korporat, saham wakaf dan sebagainya sememangnya amat digalakkan untuk faedah dan kebajikan ummah. Harta wakaf ini kemudiannya harus diuruskan dengan cekap, dibangunkan berlandaskan hukum syarak atau digunakan mengikut tujuan wakaf. Tambahan pula, bidang kuasa pentadbiran wakaf di Malaysia adalah tertakluk di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam setiap negeri. Pendekatan ini merupakan satu langkah yang amat tepat dimana institusi wakaf dapat diurustadbir secara tersusun dan holistik dibawah pengawasan Majlis Agama Islam Negeri (Nik Mustapha Nik Hassan, 1999).¹

Harta wakaf merupakan sesuatu yang sangat bernilai, namun, jika ia tidak diuruskan dengan teratur dan sistematik akan menyebabkan berlakunya susut nilai terhadap aset

¹ Aidi Ahmi, Mohd Herry Mohd Nasir & Mohd Hisham Mohd Sharif. 2005. *E-Wakaf : Ke Arah Pengurusan Wakaf Yang Lebih Sistematik*. Seminar Kebangsaan Ke Arah Pembangunan E-Malaysia : Merapatkan Jurang Komuniti Dengan Teknologi Maklumat 6-7 Disember, Putrajaya. hlmn 2.

berkenaan.² Kefahaman konsep wakaf hanya membataskan kepada harta tidak alih seperti tanah dan wakaf khas menyebabkan pembangunan harta wakaf kurang efisien. Agihan manfaat wakaf memerlukan satu sistem pengurusan yang sangat sistematik bagi memastikan kehendak pewakaf dapat ditunaikan. Ia juga membuktikan bahawa wakaf mampu memartabatkan ekonomi umat Islam sejagat melalui agihan manfaat yang telus dan amanah. Pengurusan wakaf korporat yang sistematik mampu memberikan impak yang signifikan dalam memartabatkan institusi wakaf di Malaysia. Bahkan, melalui kemajuan yang terhasil dari projek wakaf korporat akan memberikan kesedaran pada masyarakat dan menarik minat mereka untuk cenderung ke arah meneruskan amalan berwakaf ini.

2.0 DEFINISI DAN PENSYARIATAN WAKAF

2.1 Definisi Wakaf Dari Perspektif Fiqh

Menurut tafsiran para *fuqaha*, *sadaqah jariyah* diertikan sebagai memberikan sesuatu harta semasa hidupnya dan penggunaannya kekal untuk selama-lamanya.³ Dari segi bahasa, wakaf berasal dari perkataan arab *wakafa* yang bermaksud menahan (*al-habs*) dan menegah (*al-man'*).⁴ Secara teknikal, wakaf bermaksud penahanan harta seseorang untuk menggunakan hasilnya secara berkekalan demi memenuhi keperluan tertentu bergantung kepada pilihan dan syarat-syarat yang dibuat oleh *al-waqif* atau orang yang memiliki harta. Ia pula tidak boleh disyaratkan bagi mendapat pulangan keuntungan tertentu.⁵ Menurut Imam Mohammad Khatib al-Syarbiniy definisi wakaf ialah menahan sesuatu barang yang boleh dipergunakan dengan mengekalkan bentuk fizikalnya mengikut peraturan-peraturan yang telah dibenarkan oleh syarak⁶.

² Ahmad Zaki Abd Latiff, Abdul Halim Ramli, Che Zuina Ismail & dll, 2006. *Pengurusan Harta Wakaf Dan Potensinya Kearah Kemajuan Pendidikan Islam Di Malaysia*. UiTM : Shah Alam. hlmn 2.

³ Hj. Abd Shakor bin Borham. 2011. *Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation Berhad (Jcorp): Satu Tinjauan*. International Conference on Humanities 2011. Hlmn 2.

⁴ Ibn Manzur : Muhammad Ibn Mukarram. 1990. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadr. Jilid 9. Hlmn 359

⁵ *Encyclopedia of Muamalat*. 2010. Terbitan Bank Muamalat Malaysia Berhad. Hlmn 112.

⁶ Al-Sharbiniyy, Mohammad Khatib. 1933. *Mughni Al-Muhtaj*. Kaherah: Maktabah Al-Halabi. Jilid 2. Hlmn 376.

2.2 Definisi Wakaf Korporat

Wakaf korporat pula merujuk kepada suatu aspek pengurusan harta-harta wakaf yang berbentuk harta alih seperti wang tunai, saham syarikat dan dividen saham yang diurus tadbir secara penuh oleh entiti korporat ataupun secara kerjasama di antara syarikat korporat dan pihak berkuasa wakaf. Di antara elemen penting bagi struktur wakaf korporat adalah aset wakaf yang berbentuk harta alih, manakala pemegang amanah wakaf iaitu syarikat korporat yang merupakan *mutawwali* dan juga penerima harta⁷.

Berdasarkan definisi di atas dapat difahami bahawa apabila seseorang menderma hartanya sebagai wakaf, maka ia akan menjadi hak milik Allah selama-lamanya dan tidak boleh diniagakan. Pada masa yang sama, manfaat wakaf boleh digunakan oleh umat Islam dan masyarakat setempat secara berkekalan. Disamping itu, mereka juga boleh mendapat manfaat daripada harta wakaf tanpa ada tempoh yang tertentu dan mengikut segala aspek pematuhan syariah yang telah ditetapkan⁸.

2.3 Dalil Pensyariatan Wakaf

Dalil pertama

Firman Allah SWT :

الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُم بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سَرًا وَعَلَانِيَةً فَلَهُمْ أَجْرٌ هُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خُوفٌ عَلَيْهِمْ

وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ 

“Orang-orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka

⁷ Asharaf Mohd Ramli2 & Abdullaah Jalil 2012.”Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisa Wakaf Selangor Muamalat”. Universiti Sains Islam Malaysia. Hlmn 8.

⁸ Faizah Ismail. 2006. Asas-asas Muamalat Dalam Islam. Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur. Hlmn 56.

⁹ Al-Quran. Al-Baqarah. 2 : 274

dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, serta mereka pula tidak akan berdukacita”.

Dalil Kedua

Dari Abu Hurairah r.a :

عن أبي هريرة في بعث النبي صلى الله عليه وسلم عمر بن الخطاب على الصدقة فقال : "أما خالد فقد احتبس أدراعه وأعتاده، وفي رواية أخرى : وأعتده في سبيل الله.". ¹⁰

“Dari abu Hurairah setelah kebangkitan Nabi SAW, Umar bin Al-Khattab telahpun bersedekah. Nabi SAW bersabda : Khalid telah menahan (mewakafkan) haiwan tunggangan dan peralatan perangnya demi kepentingan jihad di jalan Allah.”

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis eksploratori. Peringkat pertama dilaksanakan dengan pengumpulan maklumat menerusi kajian perpustakaan yang merangkumi hasil rujukan daripada jurnal, tesis, buku, laporan tahunan syarikat, kertas kerja seminar, laman sesawang dan artikel majalah termasuklah keratan akhbar media tempatan. Peringkat kedua pula, sesi temu bual bersama pihak MAIJ dan WANCorp dibuat bagi mendapatkan maklumat kajian secara terperinci. Hasilnya, keseluruhan maklumat dianalisis dan penilaian berbentuk eksploratori dibuat bagi menyusun dan mempersempahkan hasil kajian bagi memenuhi objektif yang telah dinyatakan.

¹⁰ Jamaluddin Abdullah Bin Yusuf Az-Zailai'i. 1995. *Nasabu Ar-Rayah Fi Takhrij Ahadith Al-Hidayah*. Darul Hadith : Kaherah. Juzuk 4. Kitab Al-Waqf. Bab waqf al-kira' wa al-silah fi sabilillah. Hlmn 409.

4.0 MANFAAT WAKAF DISALURKAN UNTUK PENGURUSAN BADAN WAKAF KORPORAT JCOP

Johor Corporation (JCOP) adalah merupakan syarikat yang mempunyai pelbagai jenis perniagan. Sektor yang diceburi pula meliputi penjagaan kesihatan, perladangan, industri makanan dan lain-lain lagi. Namun, pihak pengurusan JCOP telah mengorak langkah ke hadapan dalam membangunkan struktur ekonomi Islam melalui pendekatan instrumen wakaf. Selain berperanan membangunkan harta wakaf melalui saham-sahamnya, ia juga turut menjadikan sebahagian daripada keuntungan saham wakaf tersebut sebagai pusingan modal pelaburan wakaf.

Namun begitu, terdapat perbahasan di kalangan ulamak berkaitan keharusan pewakaf mengambil manfaat daripada harta wakaf tersebut. Isu ini turut dibincangkan dalam pengurusan JCOP khususnya dalam proses “agihan semula manfaat” dimana JCOP telah menerima 70% daripada keseluruhan hasil manfaat wakaf korporat.

Terdapat beberapa hadith yang menjadi sandaran dalam menjelaskan perkara ini sebagaimana yang dinyatakan di dalam kitab Sahih Bukhary dan Muslim :

Umar r.a. telah mendapat sebidang tanah di Khaibar lalu dia datang kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk mendapatkan pandangan baginda s.a.w tentang tanah tersebut, maka katanya yang bermaksud:

"Wahai Rasulullah sesungguhnya aku mendapat sebidang tanah di Khaibar, di mana aku tidak mendapat harta yang lebih berharga bagi ku selain daripadanya, (sedangkan aku bercita-cita untuk mendampingkan diri kepada Allah S.W.T.) apakah yang hendak engkau perintahkan kepadaku dengannya?"

Maka sabda Rasulullah s.a.w kepadanya yang bermaksud:

"Jika engkau mahu, tahanlah (bekukan) tanah itu, dan sedekahkan manfaatnya."

Maka Umar r.a pun sedekahkan manfaatnya dengan meletakkan beberapa syarat seperti tanah (*mauquf*) itu tidak boleh dijualbeli, tidak dihibahkan (beri) dan tidak

diwariskan (dipusaka), tanah itu juga akan diwakafkan ke atas fakir miskin, kaum kerabat, memerdekaan hamba sahaya, fisabilillah, ibnissabil dan para tetamu serta tidak ada halangan bagi orang yang menguruskan (yang diberi kuasa menjaganya iaitu Nazir) untuk mengambil upah sebahagian darinya dengan cara yang wajar dan tidak menjadikan tanah itu seperti miliknya sendiri.¹¹

Imam al-Qurthubi juga menyatakan keharusan pewakaf untuk mengambil manfaat hasil daripada harta wakaf yang diwakafkan. Beliau mengatakan bahawa sudah menjadi kebiasaan (adat) apabila seorang amil turut mengambil manfaat daripada hasil wakaf.

Namun, sekiranya pewakaf (*waqif*) telah mensyaratkan bahawa pihak yang menguruskan harta wakaf (amil) tidak boleh mengambil sebarang hasil dari hasil wakaf, maka dalam keadaan ini, amil tidak dibenarkan untuk mengambil sebarang manfaat dari hasil wakaf.

Umar r.a telah menyatakan bahawa tidak berdosa bagi pihak yang mengurus harta wakaf untuk makan dari hasil wakaf tersebut. Oleh itu, mereka yang ingin menjadikan sesuatu harta itu menjadi hak milik Allah (wakaf), mereka juga turut diharuskan untuk mengambil manfaat terhadap hasil harta tersebut. Namun begitu, terdapat dua pandangan berkenaan kadar hasil yang boleh diambil oleh amil tersebut, pandangan pertama mengatakan sekadar memenuhi keperluan dirinya, manakala pandangan kedua mengatakan sekadar berpatutan dengan tugasnya sebagai pengelola harta wakaf.¹²

Selain itu, terdapat pendapat lain juga yang menyatakan keharusan bagi nazir untuk mengambil hasil dari harta wakaf dengan sewajarnya sekadar memenuhi keperluan tanpa menjadikannya sebagai hak milik.¹³ Mengambil sebahagian dari manfaat harta wakaf itu sah bagi nazir sekiranya pewakaf tidak meletakkan sebarang syarat yang boleh melarangnya daripada berbuat demikian. Justeru, jika pewakaf mewakafkan masjid, tanah

¹¹ Abi Abdullah Muhammad b. Ismail al-Bukhary. 2002. *Kitab Sahih Bukhary*. Dar Ibn Kathir : Damsyiq. Kitab As-Syurut. Bil hadis : 2737. Hlmn 675.

¹² Ahmad b. Ali b. Hajar Al-Asqalani. 2001. *Fath Al-Bari Syarhu Sahih Bukhari*. Juzu' 5. Kitab Al-Wasiat. Bab adakah pewakaf boleh bermanfaat dengan harta wakafnya. Hlmn 450.

¹³ Abdullah b. Abdul Rahman b. Soleh Ali Basam. 2006. *Taisir Al-Allam Syarhu 'umda Al-Ahkam*. Maktabah At-Tabiin : Kaherah. Hlmn 536.

perkuburan atau sekolah, pewakaf berhak mendapatkan sebahagian daripada manfaat harta tersebut sebagaimana orang lain yang berhak mengambil manfaat daripadanya.¹⁴

Hadith Uthman r.a, katanya :

Sesungguhnya Nabi s.a.w sampai di Madinah, dalam keadaan tiada air yang boleh diminum melainkan air Perigi Raumah. Lalu baginda bersabda: “Siapakah yang mahu membeli Perigi Raumah, dan mewakafkannya sehingga dia meletakkan timbanya di telaga itu bersama timba-timba orang Islam, dengan ganjaran yang lebih baik baginya daripada perigi itu di dalam syurga?” Lalu aku (Saidina Uthman r.a) pun membelinya dengan harta milikku sepenuhnya.

Hadis ini menunjukkan bahawa amalan wakaf telah pun aktif dilaksanakan sejak zaman baginda Rasulullah s.a.w lagi. Ia juga turut menjelaskan bahawa pewakaf boleh mengambil manfaat daripada harta yang diwakafkan. Ini dapat difahami apabila baginda s.a.w mengizinkan Saidina Uthman r.a meletakkan timbanya bersama timba orang islam yang lain ke atas perigi yang telah diwakafkan.

4.1 Jcorp Sebagai Pewakaf Dan Nazir

Johor Corporation (JCorp) merupakan sebuah syarikat korporat yang mengamalkan konsep wakaf korporat dengan mewakafkan saham anak syarikatnya (pewakaf) di samping bertindak sebagai nazir melalui perjanjian serah kuasa bersama Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). Berdasarkan perbahasan ulamak berkaitan keharusan pewakaf dan nazir untuk menerima manfaat wakaf telah membuktikan bahawa amalan wakaf korporat JCorp adalah menepati ruh perundangan syariah. Tambahan pula, JCorp yang berperanan sebagai pewakaf tidak pernah meletakkan syarat yang boleh melarang nazir untuk mengambil sebahagian dari hasil saham wakaf korporat. Selain itu, perlantikan JCorp

¹⁴ Syeikh Mansur b. Yunus b. Idris Al-Buhrati. 2003. *Kasyaf Al-Qina’ ‘an Matan Al-Iqna’*. Juzu’ satu. Dar Alim Al-Kitab : Riyadh. Hlmn 2038.

sebagai nazir juga telah dilaksanakan secara rasmi oleh Majlis Agama Islam Johor yang merupakan pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf negeri.¹⁵

Amalan wakaf korporat yang dilaksanakan Johor Corporation mampu mencontohi amalan yang dilaksanakan semasa Kerajaan Uthmaniyyah sebagaimana dijelaskan oleh Cizakca iaitu satu sampel wakaf wang yang dibuat oleh El-Hac Sulayman El-Hac, di mana beliau mewakafkan sebanyak 70,000 dirham perak yang dibuat pada tahun 1513. El-Hac mewakafkan sebanyak 30,000 dirham untuk digunakan bagi pembinaan sekolah dan baki sebanyak 40,000 dirham dijadikan modal untuk dilaburkan iaitu dengan cara dipinjamkan kepada pihak yang berminat dengan pulangan keuntungan sebanyak 10 peratus setahun atas kontrak murabahah. Hasil keuntungan yang diperoleh dibelanjakan untuk perkara yang ditetapkan iaitu:¹⁶

- a) 3 dirham gaji guru sekolah
- b) 1 dirham kepada pembantunya
- c) 1 dirham kepada orang yang membaca al-Quran
- d) 2 dirham kepada nazir wakaf

Hasil kajian beliau mendapati bahawa kebanyakan hasil keuntungan dari wakaf wang semasa Kerajaan Uthmaniyyah digunakan untuk perbelanjaan perbelanjaan pentadbiran wakaf, pendidikan, makanan, keluarga pewakaf, institusi keadilan, perbelanjaan untuk penyelenggaraan harta wakaf, masjid, sewa, keagamaan, sosial, cukai dan nazir wakaf.

Oleh itu, berdasarkan hadis dan contoh amalan wakaf pada zaman terdahulu, ia sudah cukup memberi penjelasan berkenaan keharusan keharusan pewakaf dan nazir wakaf untuk menggunakan sebahagian dari hasil manfaat wakaf, bukan bertujuan untuk mengaut keuntungan bahkan untuk menstabilkan aspek ekonomi di dalam pengurusan harta wakaf itu sendiri.

¹⁵ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003. Bahagian VI. Fasal 89.

¹⁶ Asmak Ab Rahman. 2009. *Jurnal Syariah : Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia*. Hlmn 134.

5.0 SUMBANGAN DAN AGIHAN MANFAAT WAKAF SAHAM JCOPR SETAKAT 2013

Manfaat harta wakaf merupakan input yang terdiri daripada dividen tahunan bagi saham enam anak syarikat JCOPR. Ia diperolehi menerusi sumbangan di atas penyertaan keahlian WANCorp yang dikenali sebagai wakaf tunai dan dividen pelaburan semula. Keseluruhan manfaat dibahagikan kepada tiga kumpulan dengan peratus agihan yang berbeza selari dengan hujjah wakaf yang dipersetujui iaitu 70%, 25%, dan 5%.

Berdasarkan amalan wakaf korporat JCOPR, 75% keuntungan saham atau manfaat wakaf yang diperolehi akan dilaburkan semula sebagai modal pelaburan wakaf saham bagi anak syarikat JCOPR, manakala baki 25% akan diagihkan kepada fisabilillah dan 5% yang lain akan disalurkan terus kepada MAIJ untuk digunakan bagi keperluan umum.

Kesepakatan bersama dalam perkara ini telah dimeterai oleh JCOPR dan MAIJ dalam surat hujjah wakaf Tiram Travel Sdn. Bhd. Kaedah 7(2) bertarikh 11 Julai 2005 bersamaan 4 Jamadilakhir 1426 hijrah yang telah ditandatangani oleh JCOPR dan MAIJ.¹⁷

“Dengan manfaat keuntungan 100% daripada syarikat Tiram travel Sdn. Bhd. Yang diwakafkan dibahagikan 70% kepada JCOPR, 25% kepada wakaf an-Nur Berhad dan 5% kepada MAIJ. Kemudian daripada itu keuntungan 70% JCOPR, sekiranya dilaburkan maka keuntungannya akan disumbangkan mengikut pertimbangan dan kebijaksanaan pihak pengurusan wakaf an-Nur Berhad.”

Sehingga 31 Disember 2013, agihan manfaat 70% yang merupakan dana pelaburan semula adalah berjumlah RM36.27 juta dan telah dilaburkan simpanan tetap di institusi kewangan yang berlandaskan syariah. Keuntungan dari pelaburan bagi tahun 2013 adalah berjumlah RM421,418.71. Jumlah keseluruhan keuntungan dari pelaburan yang telah diterima sehingga 31 Disember 2013 berjumlah RM1,017,696.86. Manakala manfaat sebanyak 5% bagi tahun 2013 yang berjumlah RM2,590,206.36 telah disalurkan kepada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). Sedangkan manfaat sebanyak 25% pula

¹⁷ Mohd Ali Muhamad Don.2011.Academic Journal UiTM Johor : *Wakaf Korporat oleh JOHOR CORPORATION BERHAD : Amalan dan Beberapa Isu Pelaksanaan*. Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor : Johor Bharu.Hlmn 236.

diperuntukkan untuk kebajikan yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2013 untuk tiga perkara berikut :

- 1) Kebajikan dan Amal
- 2) Pembangunan Insan, Modal pendidikan & Keusahawanan
- 3) Projek Khas

Bagi Kebajikan Dan Amal, terdapat beberapa pecahan pelaksanaan yang dijalankan antaranya ialah, berkaitan kesihatan yang mana pihak WANCorp telah mewujudkan mesin dialisis kepada KWAN Taman Bukit Tiram yang berjumlah RM263,650.00. Selain itu, sebanyak RM99,644.96 telah diperuntukkan untuk aktiviti mengimarah masjid/surau, antara aktiviti yang dijalankan ialah Operasi Masjid An-Nur, Larkin Sentral (RM55,404.96), Maulidur Rasul (RM43,240.00) dan Program Jalinan Kasih 2013 di Surau At-Taubah, Bandar Baru Kangkar Pulai (RM1,000.00).

Selain itu, WANCorp juga terlibat dalam pembinaan masjid dan surau dan telah memperuntukkan sebanyak RM262,798.29 untuk tujuan ini. Antara yang dilaksanakan ialah pembinaan dan penyelenggaraan masjid dan surau (RM245,798.29), penyelenggaraan mengecat masjid (RM11,000.00), dan pemasangan karpet di masjid dan sekolah (RM6,000.00).

WANCorp juga telah memperuntukkan sebanyak RM544,338.79 untuk aktiviti yang melibatkan masyarakat umum, anak-anak yatim dan lain-lain CSR. WANCorp telah menjalankan banyak aktiviti dan program yang berskala besar dan kecil. Antara aktiviti yang melibatkan jumlah yang besar ialah Program As-Sajadah Kulim (Malaysia) Berhad (RM100,000.00), Kenderaan Pelbagai Guna (Van) Pusat Khidmat Wakil Rakyat DUN Semerah, Batu pahat (RM69,528.79), Program Jelajah Maulidur Rasul-Gabungan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Melayu (RM62,000.00) dan Majlis Gabungan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Melayu Negeri Johor (RM60,000).

Bagi Pembangunan Insan, Modal Pendidikan & Keusahawanan, WANCorp telah memperuntukkan sebanyak RM1,607,187.93 bagi menjayakan matlamat ini. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Program Tunas Didik Siswazah Alumni Bistari & Projek Tuisyen (RM1,599,368.57), ‘Seed-Corn Research Fund-MARSAH (100,000.00),

Program Wakaf Komuniti Pusat Jahitan (RM55,575.01), Bantuan Modal Usahawan Agen Umrah dan Haji (RM43,500.00) dan banyak lagi.

Bagi Projek Khas pula, WANCorp telah memperuntukkan sebanyak RM751,335.70 untuk melancarkan beberapa projek seperti Tabung Tijarah Ramadhan (RM50,000.00), Bridge Wakaf (RM253,095.00), Program Kemasyarakatan Bulan Sabit Merah Malaysia (RM12,100.00), Tabung Banjir Negeri Johor (RM100,000.00) dan Bantuan Mangsa Banjir di Kuantan (RM30,600.00). Melalui semua peruntukan ini menjadikan jumlah keseluruhan yang telah diuruskan oleh WANCorp berpandukan pengagihan manfaat dividen untuk tahun 2013 adalah sebanyak RM3,512,515.97).¹⁸

Dengan jumlah agihan manfaat yang diperolehi sehingga 2013, JCorp telah berjaya membuktikan kewibawaannya sebagai pengurus tadbir wakaf yang cekap dan cemerlang. Jelas, wakaf saham JCorp yang dikelolai WANCorp telah banyak membantu umat Islam dari pelbagai aspek kehidupan. Konsep wakaf yang digunakan menjanjikan sumbangan yang berterusan terhadap masyarakat dan menjadikan ia semakin berkembang lantas menjadi benteng kepada pembangunan masyarakat Islam khususnya.

Kaedah pelaksanaan wakaf korporat ini wujud dalam dua bentuk iaitu wakaf saham dan wakaf musytarak . Wakaf musytarak yang dimaksudkan ialah sebagaimana yang terkandung di dalam Enakmen Wakaf Melaka 2005 di bawah seksyen 9¹⁹, wakaf musytarak bermaksud penyatuan beberapa wakaf termasuklah wakaf yang diwujudkan melalui istibdal dan saham wakaf. Elemen wakaf musytarak inilah yang membolehkan para pekerja JCorp untuk menerima pengagihan manfaat selain masyarakat umum²⁰ kerana wakaf musytarak di halakan sebahagian manfaatnya Kepada Ahli Keluarga Dan Sebahagian Yang Lain Untuk Masyarakat Umum.

¹⁸ Laporan Tahunan 2013. Waqaf An-Nur Corporation Berhad. hh 14-17.

¹⁹ Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005. Bahagian II, Seksyen 9 (2)(a)

²⁰ Nurul Asyikin Mahmood & Muhammad Hakimi Mohd Shafie. 2013. *Potensi Wakaf Korporat Kepada Pemilikan Ekuiti Muslim : Kajian di Wakaf An-Nur Corporation*. Prosiding Perkem VIII,Jilid I. ISSN : 2231-962X. Hlmn 389

5.1 Kesan Wakaf Korporat Terhadap Pembangunan Sosio Ekonomi Ummah

Dalam tempoh 9 tahun, JCorp sudah membuktikan bagaimana saham-saham itu dapat dikembangkan seterusnya dimanfaatkan oleh masyarakat Islam melalui keuntungan dividen yang diistilahkan sebagai Kebajikan Am. Dana Kebajikan Am itu diagihkan mengikut garis panduan melalui tiga kategori utama, iaitu Kebajikan dan Amal, Pembangunan Insan dan Modal Insan dan juga Projek-projek Khas yang tidak dapat dinafikan lagi bahawa ianya memberi faedah kepada umat Islam secara umumnya.

Harta wakaf merupakan harta milik Allah. Manusia pula bertindak sebagai khalifah menjadi pemegang amanah terhadap harta-harta wakaf tersebut bagi memakmurkan serta memeliharanya untuk kemaslahatan ummah. Pemilikan kekal ini melarang sebarang transaksi pindah milik dilakukan oleh mana-mana pihak. Justeru, saham yang telah diwakafkan oleh JCorp itu merupakan saham milik umat Islam. Pemilikan saham ini seperti pemilikan kuasa, pertambahannya juga menyebabkan kuasa makin meningkat untuk membentuk ekonomi acuan Islam.

Secara keseluruhannya, program-program yang dilaksanakan oleh JCorp lebih bersifat menyeluruh kerana melibatkan setiap daerah disamping memberi perhatian kepada golongan memerlukan dan generasi muda. Pengisian program yang diadakan lebih berunsurkan pemuaafakan, mendidik serta menyuburkan nilai keprihatinan dan kasih sayang. Kesemuanya dilaksanakan dengan menyentuh aspek kesihatan, keilmuan, keagamaan dan ekonomi.

Dari aspek kesihatan JCorp beroperasi melalui penubuhan KPJ Healthcare dengan menyediakan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi, menggunakan teknologi perubatan yang inovatif dan pakar runding perubatan yang berpengalaman. Kelebihan ini telah menjadikan KPJ Healthcare sebuah pusat kesihatan yang menjadi pilihan utama rakyat. KPJ Healthcare menerima pertambahan pesakit saban hari. Hal ini mampu membuktikan bahawa rakyat lebih yakin dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh KPJ Healthcare. Selain itu, KPJ Healthcare juga menjadi pembekal terkemuka perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta di Malaysia, KPJ Healthcare gigih berusaha bagi memastikan misinya

menyalurkan perkhidmatan kesihatan berkualiti pada umat keseluruhannya berhasil. Melalui klinik Wakaf Annur

JCorp juga tidak ketinggalan menyumbang dalam pembangunan insaniah melalui pendidikan dan keagamaan ummah sejagat. Dengan pelbagai sumber dana yang ada, JCorp mampu membiayai pelbagai program pendidikan dan menjadi penyumbang dana bagi pembiayaan pengurusan sekolah-sekolah agama telah membuka peluang pada para pelajar dan setiap lapisan masyarakat untuk menimba ilmu dan melibatkan diri dalam segala aktiviti kemasyarakatan.

Pembinaan masjid, surau, aktiviti keagamaan jelas membuktikan betapa JCorp telah membantu segenap masyarakat dengan pelbagai usaha bagi meningkatkan kerohanian disamping penjanaan berterusan dari pihak pengurusan. Membuka peluang pada generasi muda dan golongan yang memerlukan untuk terlibat sama dalam aktiviti keusahawanan bagi menyara kehidupan. Projek yang seumpama ini mampu menyumbang kepada penambahan peluang pekerjaan seterusnya meningkatkan tahap ekonomi negara pada masa hadapan. Kesan daripada itu, kewujudan wakaf korporat sebenarnya dapat menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur dan manfaat kepada masyarakat tanpa mengira asal usul dan taraf hidup.

6.0 KESIMPULAN

Wakaf dikategorikan sebagai salah satu sumber kewangan Islam yang produktif. Walaupun dahulunya wakaf dilihat hanya tertumpu pada sektor hartanah, tanah perkuburan, sekolah agama, masjid dan surau, namun, dewasa ini telah wujud konglomerat-konglomerat Islam yang berpandangan jauh. Masa depan gagasan wakaf yang diterajui oleh ahli korporat ini telah mewujudkan idea-idea dan inovasi sepertimana yang telah dieksploratori oleh Johor Corporation. Perubahan seperti ini mampu melakar kegemilangan ketamadunan umat Islam dari pelbagai aspek kehidupan. Bahkan ia merupakan saranan baginda Rasulullah s.a.w dalam mengembangkan amalan dan produk wakaf dalam mendepani era globalisasi.

Walaubagaimanapun, dalam usaha melontarkan idea-idea dan membentuk pelbagai model wakaf korporat, gagasan wakaf memerlukan sistem pengurusan yang tersusun dan sistematik bagi memastikan ia dapat memberi impak positif kepada masyarakat. Justeru, pengurusan yang telus dan berintegriti perlu dititikberatkan supaya agihan manfaat dapat dilaksanakan secara efisien dan sistematik. Ia juga bagi mengelakkan dari salahlaku urustadbir harta wakaf yang akan merugikan umat Islam seluruhnya.

Ekonomi umat Islam dapat diperkuatkan melalui instrumen wakaf korporat. Perkara ini boleh direalisasikan oleh semua sektor korporat secara kolektif dan tersusun. Perancangan yang menyeluruh dalam membangunkan infrastruktur berlandaskan wakaf boleh dilakukan khususnya seperti pembinaan bangunan-bangunan sekolah, universiti, hospital, pusat membeli belah, pusat komersial dan projek pembangunan usahawan wakaf.

Oleh itu, sumbangan JCorp dalam merancakkan agenda wakaf di Malaysia boleh dijadikan ikutan kepada konglomerat Islam yang lain. Ini disebabkan pembangunan ummah adalah satu tuntutan fardu kifayah untuk semua umat Islam. Maka, seharusnya setiap individu muslim mahupun organisasi Islam bersedia mengorak langkah melaksanakan tanggungjawab sosial melalui instrumen wakaf. Ia juga bertujuan bagi menghidupkan ruh wakaf di Malaysia seiring dengan pembangunan wakaf di negara lain seperti Turki, Singapura dan lain-lain lagi.

RUJUKAN

- Abdullah b. Abdul Rahman b. Soleh Ali Basam. 2006. *Taisir Al-Allam Syarhu ‘umdaḥ Al-Ahkam*. Maktabah At-Tabiin : Kaherah.
- Abi Abdullah Muhammad b. Ismail al-Bukhary. 2002. *Kitab Sahih Bukhary*. Dar Ibn Kathir : Damsyiq. Kitab As-Syurut. Bil hadis : 2737.
- Ahmad b. Ali b. Hajar Al-Asqalani. 2001. *Fath Al-Bari Syarhu Sahih Bukhari*. Juzu' 5. Kitab Al-Wasiat. Bab adakah pewakaf boleh bermanfaat dengan harta wakafannya.
- Ahmad Zaki Abd Latiff, Abdul Halim Ramli, Che Zuina Ismail & dll, 2006. *Pengurusan Harta Wakaf Dan Potensinya Kearah Kemajuan Pendidikan Islam Di Malaysia*. UiTM : Shah Alam.
- Aidi Ahmi, Mohd Herry Mohd Nasir & Mohd Hisham Mohd Sharif. 2005. *E-Wakaf : Ke Arah Pengurusan Wakaf Yang Lebih Sistematis*. Seminar Kebangsaan Ke Arah Pembangunan E-Malaysia : Merapatkan Jurang Komuniti Dengan Teknologi Maklumat 6-7 Disember, Putrajaya.
- Al-Sharbiniyy, Mohammad Khatib. 1352H/1933M. *Mughni Al-Muhtaj*. Kaherah: Maktabah Al-Halabi. Jilid 2.
- Ashraf Mohd Ramli2 & Abdullaah Jalil 2012.” *Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisa Wakaf Selangor Muamalat*”. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Asmak Ab Rahman. 2009. Jurnal Syariah : *Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia*, Jilid 17, Bil 1.
- Encyclopedia of Muamalat*. 2010. Terbitan Bank Muamalat Malaysia Berhad.
- Faizah Ismail. 2006. *Asas-asas Muamalat Dalam Islam*. Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Hj. Abd Shakor bin Borham. 2011. *Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation Berhad (Jcorp): Satu Tinjauan*. International Conference on Humanities 2011.

Ibn Manzur : Muhammad Ibn Mukarram. 1990. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadr. Jilid 9.

Jamaluddin Abdullah Bin Yusuf Az-Zailai'i. 1995. *Nasabu Ar-Rayah Fi Takhrij Ahadith Al-Hidayah*. Darul Hadith : Kaherah. Juzuk 4. Kitab Al-Waqf. Bab waqf al-kira' wa al-silah fi sabillallah.

Laporan Tahunan Wakaf An-Nur Corporation Berhad 2013. Terbitan WANCorp: Johor Bharu.

Mohd Ali Muhamad Don.2011. Academic Journal UiTM Johor : “*Wakaf Korporat oleh JOHOR CORPORATION BERHAD : Amalan dan beberapa isu pelaksanaan*.” Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor : Johor Bharu.

Nurul Asyikin Mahmood & Muhammad Hakimi Mohd Shafiai. 2013. *Potensi Wakaf Korporat Kepada Pemilikan Ekuiti Muslim : Kajian di Wakaf An-Nur Corporation*. Prosiding Perkem VIII, Jilid I. ISSN : 2231-962X.

Syeikh Mansur b. Yunus b. Idris Al-Buhrati. 2003. *Kasyaf Al-Qina’ ‘an Matan Al-Iqna’*. Juzu' satu. Dar Alim Al-Kitab : Riyadh.